

Newspaper	Berita Harian
Date	23/2/2012

PAS tak perlu bai'ah sesiapa

Seseorang hanya perlu tunduk kepada Allah, bukan orang lain: Dr M

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan
Muhammad Hatim Ab Manan
bhnews@bharian.com.my

SHAH ALAM: Ahli PAS tidak perlu berbai'ah kepada sesiapa termasuk kepada pemimpin parti itu kerana mereka bukan Allah atau nabi.

Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata seseorang hanya perlu tunduk kepada Allah dan mengiktiraf Nabi Muhammad sebagai nabi kepada umat Islam tanpa perlu bersumpah kepada orang lain.

Katanya, tindakan Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, yang mewajibkan setiap calon PAS yang bertanding pada pilihan raya berbai'ah, menunjukkan parti itu cuba mengongkong pemikiran penyongknya.

"Sebab itu PAS minta adakah bai'ah, bersumpah ketaatan kepada seorang pemimpin. Dia orang biasa dan boleh buat salah.

"Malah, kita lihat banyak pemimpin PAS yang buat salah dari segi agama. Tidak perlu buat bai'ah ke-



pada sesiapa. Dia bukan pun raja, bukan pun nabi, jadi nak bai'ah ni nak buat apa," katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Semalam, sebuah akhbar harian melaporkan Abdul Hadi mewajibkan setiap calon PAS yang bertanding dalam pilihan raya untuk berbai'ah, satu bentuk pengakuan yang lebih besar dan berat daripada bersumpah, bagi menentukan calon ti-

dak menyeleweng dari dasar Islam, cara dan matlamatnya.

Abdul Hadi dilaporkan berkata, sesiapa yang melanggar bai'ah yang dibuat 'maka akan celaka dunia dan akhirat'.

Di MELAKA, Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata tindakan Presiden PAS mewajibkan setiap calon parti itu yang akan bertanding dalam

PRU-13 melafazkan sumpah bai'ah adalah berbahaya kerana boleh meruntuhkan institusi rumah tangga, selain tidak bersifat ikhlas.

Beliau berkata, lafaz itu juga tidak mengikut nilai Islam kerana calon yang melanggar sumpah berkenaan akan dikategorikan sebagai golongan celaka dunia dan akhirat.

"Sumpah ini sangat keras kerana boleh jatuh sehingga talak tiga dengan isteri. Jadi semua orang takutlah untuk menyokong selain PAS dan parti pembangkang. Perkara ini jelas tidak mengikut nilai Islam kerana menyokong perkara yang mungkar.

"Tindakan ini jelas sudah lari dari perjuangan politik dan nilai Islam sebenar kerana sanggup melihat perpecahan dalam sesebuah keluarga. Saya percaya mereka akan mendapat balasan setimpal daripada Allah kerana perjuangan mereka tidak ikhlas," katanya selepas merasmikan Jentera Pemuda Bermotor dan Puteri Prihatin Dewan Undangan Negeri (DUN) Bachang di Taman Seri Cempaka, Peringgit, di sini, semalam.